

06 OCT 1998

Tajol-ISA

ISA DIKENAKAN KEPADA KESALAHAN YANG ANCAM KESELAMATAN NEGARA

BATU PAHAT, 6 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata kerajaan hanya akan mengambil tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sekiranya kesalahan yang dilakukan itu boleh mengancam keselamatan negara.

Beliau berkata kerajaan sebenarnya tidak mahu menggunakan ISA terhadap mana-mana pihak kerana pihak asing memandang serong terhadap tindakan kerajaan itu.

"Sebenarnya kerajaan menahan mereka mengikut ISA untuk menghindarkan daripada berlakunya demonstrasi dan rusuhan di dalam negara," katanya kepada pemberita di sini, petang semalam.

Tajol Rosli berkata demikian ketika ditanya mengenai tahanan ISA berkaitan kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang masih belum dibebaskan.

Katanya, setakat ini kerajaan hanya mengambil tindakan ISA terhadap mereka yang benar-benar boleh menggugat keselamatan negara seperti mereka yang membawa masuk pendatang haram (tekong) dan pencetak wang palsu.

Beliau berkata polis pernah mengesyorkan kepada kerajaan agar mereka yang mengklon telefon dan menyebarkan khabar angin melalui Internet juga ditahan mengikut ISA.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sangat adil dan tidak mahu menggunakan ISA terhadap mereka. Oleh itu mereka yang ditangkap kerana menyebarkan khabar angin hanya dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Mengenai pendatang asing tanpa izin, Tajol Rosli meminta kedutaan-kedutaan asing terutamanya kedutaan Bangladesh, India, Indonesia, Filipina dan Thailand agar menasihatkan rakyat mereka supaya pulang ke negara asal sebelum berakhirnya tempoh pengampunan selama dua bulan pada 31 Okt ini.

"Selepas tarikh itu, polis dan imigresen akan menjalankan operasi mengesan pendatang asing secara besar-besaran dan tindakan tegas akan dikenakan," katanya.

-- BERNAMA

RAM AKD